

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : RUMAH JAGAAN ORANG-ORANG TUA DAN ANAK-ANAK YATIM**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa pusat jagaan orang-orang tua dan anak-anak yatim berdaftar mengikut daerah di Selangor?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri bagi memastikan keselamatan dan pengurusan pusat jagaan mengikut piawaian dan undang-undang yang ditetapkan?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak 121 pusat jagaan orang-orang tua dan anak yatim yang berdaftar dengan pihak Jabatan sehingga Julai 2018. Statistik bilangan pusat jagaan orang-orang tua dan anak yatim yang berdaftar mengikut daerah adalah seperti di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Pusat Jagaan Warga Tua</b>
1	Petaling	39
2	Hulu Langat	29
3	Klang	9
4	Gombak	7
5	Kuala Selangor	1
6	Sepang	1
7	Hulu Selangor	1
8	Kuala Langat	0
9	Sabak Bernam	0
<b>Jumlah</b>		<b>87</b>

**Jadual 1: Bilangan Pusat Jagaan Orang-Orang Tua Berdaftar di Negeri Selangor Mengikut Daerah**

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Jumlah Pusat Jagaan Anak Yatim/Miskin</b>
1	Petaling	9
2	Gombak	6
3	Hulu Langat	5
4	Klang	4
5	Hulu Selangor	4
6	Sepang	2
7	Sabak Bernam	2
8	Kuala Selangor	1
9	Kuala Langat	1
<b>Jumlah</b>		<b>34</b>

**Jadual 2: Bilangan Pusat Jagaan Anak Yatim Berdaftar di Negeri Selangor Mengikut Daerah**

b) Setiap pusat jagaan berdaftar perlu mengikut peraturan keselamatan dan mematuhi beberapa perkara seperti:

i) Bangunan perlu mendapat kelulusan dari semua agensi yang terlibat dalam proses pendaftaran Pusat Jagaan seperti Jabatan Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pihak Berkuasa Tempatan. Semua peraturan agensi perlu dipatuhi dan lesen atau kebenaran wajib diperbaharui dari semasa ke semasa mengikut keperluan pendaftaran;

ii) Setiap ruang yang digunakan untuk keperluan dan kegunaan kanak-kanak hendaklah dilengkapi dengan peralatan dan perabot yang sesuai dan selamat. Peralatan dan bahan permainan yang disediakan mestilah bersesuaian mengikut tahap umur;

iii) Lain-lain langkah keselamatan yang perlu diperhatikan oleh pihak pusat jagaan:

- Mempunyai alat pemadam kebakaran yang sentiasa diperbaharui
- Peti kecemasan yang sentiasa di pantau isi kandungannya.
- *Smoke Detector* (pengesan asap) sebagai langkah berjaga- jaga apabila berlaku kebakaran
- Mempunyai pagar keselamatan
- Mempunyai CCTV jika perlu
- Pintu utama, pintu tandas, pintu dapur perlu sentiasa di tutup

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil tindakan seperti berikut bagi memastikan keselamatan dan pengurusan pusat jagaan mengikut piawaian dan undang-undang Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994:

- i) Pemantauan dan lawatan ke atas pusat jagaan yang dilakukan sebanyak 2 kali setahun oleh Pegawai Diberi Kuasa (PDBK). PDBK akan mengemukakan Laporan Pemantauan dan membuat teguran jika terdapat ketidakpatuhan di dalam pengurusan pusat jagaan;
- ii) Mana-mana pengendali pusat jagaan yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Akta Pusat Jagaan 1993 serta Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994 ini boleh diambil tindakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara tindakan penguatkuasaan yang dikenakan terhadap pusat jagaan adalah arahan bertulis, tutup sementara, kompaun, pendakwaan, pembatalan perakuan dan lak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PELANCONGAN**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak yang diperuntukkan untuk pelancongan di Selangor?
- b) Apakah prosedur yang diperlukan bagi menaikkan satu-satu kawasan sebagai pusat pelancongan?
- c) Adakah tempat-tempat di Semenyih yang telah diwartakan sebagai pusat pelancongan? Jika ada, senaraikan.

**JAWAPAN:**

- a) Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM35.5 Juta untuk pelaksanaan projek dan program pembangunan pelancongan di Negeri Selangor dalam tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2020.

Bagi tahun 2018 peruntukan pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM6.25 Juta di mana sebanyak RM4.5 Juta telah diagihkan untuk pelbagai promosi dan acara pelancongan tempatan dan luar negara, manakala RM1.5 Juta adalah diperuntukkan bagi menaik taraf produk pelancongan dan amaun selebihnya sebanyak RM250,000 telah diperuntukkan bagi memajukan bidang kraftangan.

- b) Sebarang usaha mengangkat sesebuah tempat yang berpotensi untuk menjadi tempat pelancongan perlu merujuk Undang-Undang Malaysia di bawah Akta 482, Akta Industri Pelancongan 1992. Kementerian menguatkuasakan akta-akta dan peraturan berikut :
  - a. Akta Industri Pelancongan 1992;
  - b. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan
  - c. Agensi Pengembaraan) 1992;
  - d. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Pemandu Pelancong) 1992;

- e. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Pelesenan Institutsi Latihan Pelancongan) 1994;
  - f. Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Mengkompauan Kesalahan-Kesalahan) 1992;
  - g. Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999; dan
  - h. Peraturan-Peraturan Kenderaan Pelancongan (Pelesenan dan Pengawalan Kenderaan Pelancongan) 2000.
- c) Berikut adalah kawasan sedia ada dan diwartakan sebagai kawasan pelancongan di Semenyih:
- a. Sungai Tekala
  - b. Sungai Lalang Hotspring
  - c. Gunung Nuang
  - d. Kolam Air Panas, Batu 16
  - e. Kolam Air Panas, Sungai Serai
  - f. Ostrich Wonderland
  - g. Empangan Semenyih

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PENDIDIKAN**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa peruntukan yang telah disalurkan bagi seluruh sekolah-sekolah di Semenyih? Senaraikan nilai peruntukan bagi setiap sekolah yang ada.
- b) Apakah ada usaha-usaha menaiktaraf perpustakaan Semenyih dan Beranang?

**JAWAPAN:**

- a) Peruntukan yang telah disalurkan bagi seluruh sekolah-sekolah di Semenyih adalah seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>	<b>KELULUSAN</b>
1	Sekolah Rendah Islam Taman Pelangi Semenyih	RM10,000.00
2	Sekolah Rendah Islam Fasa 4	RM10,000.00
3	Sekolah Rendah Islam Khawarizmi	RM15,000.00
4	Sekolah Rendah Islam Fasa II	RM15,000.00
5	Kafa Integrasi An-Najah	RM40,000.00
6	Kafa Integrasi Al Mustaqim	RM20,000.00
7	Kafa Integrasi Taman Pelangi Semenyih	RM30,000.00
8	Kafai Bandar Rinching	RM20,000.00
9	Sar Kafa Integrasi Penjara Kajang	RM20,000.00
10	Kafa Integrasi Al-Kauthar	RM50,000.00
11	Kafa Integrasi Al Falah	RM30,000.00
12	Kafa Integrasi At-Taqwa	RM20,000.00
13	Kafa Integrasi Surau Al-Asmah	RM50,000.00
14	Kafai Raudhatul Jannah	RM30,000.00

<b>BIL.</b>	<b>NAMA SEKOLAH</b>	<b>KELULUSAN</b>
15	SJKC Ton Fah	RM30,000.00
16	SJKC Sin Ming Semenyih	RM70,000.00
17	SJKC Kampung Baru Semenyih	RM60,000.00
18	SJKT Ladang Semenyih	RM30,000.00
19	SJKT Dominion	RM20,000.00
20	SJKT Ladang Rinching	RM70,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM640,000.00</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : MASJID SEMENYIH DAN BERANANG**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah usaha-usaha Kerajaan Selangor untuk menaiktaraf masjid di Semenyih dan Beranang?
- b) Berapa peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Buat masa ini tiada cadangan bagi menaiktaraf kedua-dua masjid tersebut memandangkan keutamaan diberikan bagi memenuhi permintaan di kawasan yang belum mempunyai masjid. Namun pihak jabatan masih mempertimbangkan permohonan pihak kariah bagi tujuan pembaikan dan naik taraf kecil.
- b) Tiada peruntukan khusus bagi tujuan naiktaraf tersebut namun peruntukan baikpulih disediakan bergantung kepada keperluan semasa dan tertakluk kepada kemampuan kewangan pihak jabatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : GLC SELANGOR**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon disenaraikan nama-nama Government Linked Company (GLC) di bawah Kerajaan Negeri Selangor?
- b) Berapakah hasil pendapatan dari setiap Syarikat Government Linked Company di bawah Kerajaan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

Bil	Nama Syarikat (a)	Hasil Pendapatan (RM) (b) 31 Disember 2017 ( Audit/Deraf Audit)	
		Kumpulan	Syarikat
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	3,065,006,491	301,691,406
<b>ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI</b>			
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	2,291,285,000	26,524,000
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	56,746,241	52,542,186
3	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	3,233,755	3,233,755
4	Tourism Selangor Sdn Bhd	748,505	748,505
5	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Tiada kaitan	128,081,945
6	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	Tiada kaitan	961,048
7	Communication Corporation Sdn Bhd	Tiada kaitan	16,805,686
8	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Tiada kaitan	105,061,491
9	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	Tiada kaitan	8,575,720
10	Invest Selangor Berhad	Tiada kaitan	20,994,839
11	Rantaian Mesra Sdn Bhd	Tiada kaitan	583,228
12	Yayasan Warisan Anak Selangor	Tiada kaitan	2,010,391
13	Yayasan Hijrah Selangor	Tiada kaitan	13,170,050
14	SRM Setia Sdn Bhd	Tiada kaitan	25,214,215
15	Smartsel Sdn Bhd	Tiada kaitan	-
16	Landasan Lumayan Sdn Bhd	Tiada kaitan	-
17	KDEB Waste Sdn Bhd	89,842,971	78,126,753
18	Darul Ehsan Investment Group Berhad	-	-
19	SSDU Innovations sdn Bhd	Ditubuhkan pada Mac 2018	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PERUNTUKAN ADUN**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan rakyat Negeri Selangor percaya dengan kepimpinan Pakatan Harapan, mereka telah memilih dan memberi peluang berterusan untuk mentadbir Negeri Selangor, bagi memberi perkhidmatan dan bantuan yang lebih baik, adakah peruntukan perbelanjaan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri dinaikkan dari Lapan Ratus Ribu Ringgit (RM800 ribu) ke Satu Juta Ringgit (RM1,000,000.00)?

**JAWAPAN:**

- a) Setiap Ahli Dewan Negeri (ADN) diluluskan peruntukan berjumlah RM800,000.00. Manakala bagi kawasan Dewan Negeri (Bukan Kerajaan), setiap ADN (Bukan Kerajaan) disediakan sejumlah RM200,000.00 dan Pegawai Penyelaras yang dilantik oleh Kerajaan Negeri pula disediakan peruntukan berjumlah RM600,000.00. Sejumlah RM48.4 juta telah diperuntukkan untuk menampung semua keperluan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : MANIFESTO PAKATAN HARAPAN SELANGOR PRU 14**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan dan tempoh masa Kerajaan Negeri untuk melaksanakan semua manifesto tersebut.
- b) Nyatakan implikasi kewangan untuk melaksanakan manifesto tersebut.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PELABURAN KELUAR**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pelaburan keluar pada 2018 dan faktornya.
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri meyakinkan pelabur-pelabur di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Bagi tempoh Januari hingga Julai 2018, Jabatan Tenaga Kerja telah merekodkan sebanyak **13 syarikat yang membuat penutupan operasi di Negeri Selangor** dengan melibatkan seramai **313 pekerja tempatan**.

Antara faktor - faktor yang menyebabkan penutupan operasi syarikat adalah seperti berikut;-

- i. Pemindahan operasi ke tempat lain.
- ii. Kejatuhan pasaran produk.
- iii. Kos pengeluaran meningkat.
- iv. Kejatuhan permintaan dalam pasaran.
- v. Tiada permintaan produk
- vi. Penggulungan syarikat.

Sumber : Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor

- b) Bagi meyakinkan pelabur – pelabur untuk terus mengekalkan dan membuat penambahan pelaburan di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan terus melaksanakan program-program bagi menyantuni pelabur yang sedia ada. Antara langkah – langkah yang diambil seperti;-
  - i. Mewujudkan jaringan hubungan atau networking dengan agensi-agensi yang berkaitan (agensi kerajaan, kedutaan, Dewan-Dewan Perniagaan dalam dan luar Negara).
  - ii. Mewujudkan rakan hubungan strategik dengan agensi-agensi yang berkaitan.

- iii. Meneruskan pelaksanaan program – program menyantuni pelabur dengan mengadakan program networking dan sesi pertemuan dengan pelabur – pelabur bagi mengeratkan hubungan antara pihak industri dengan Kerajaan Negeri dan jabatan teknikal disamping mendapatkan maklum balas berkenaan permasalahan yang dihadapi.
- iv. Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dan selesa untuk para pelabur.
- v. Mewujudkan kawasan perindustrian berkonsepkan Pengurusan Kawasan Industri (*Managed Industrial Parks*).
- vi. Membantu pihak industri menyelesaikan isu – isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelarasan Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh YB EXCO.
- vii. Memperkasakan peranan Unit Pelaburan PBT bagi membantu para pelabur dalam proses kelulusan pembangunan.
- viii. Menyediakan peratusan peruntukkan secara khusus bagi penyelenggaraan kawasan perindustrian di setiap Pihak Berkuasa Tempatan.

Mengadakan Mesyuarat Industrial Park Management Committee (IPMC) bagi membantu menyelesaikan isu-isu kawasan perindustrian yang dihadapi oleh pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEJABAT MENTERI BESAR**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan secara terperinci nama, jawatan, gaji, elaun serta kemudahan semua kakitangan Pejabat Menteri Besar.
- b) Nyatakan tranformasi di Pejabat Menteri Besar.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua anak syarikat Kerajaan Negeri serta pengerusinya.
- b) Nyatakan jumlah dividen yang diperolehi dari setiap anak syarikat tersebut pada 2017.

**JAWAPAN:**

a)

<b>BIL</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PENGERUSI</b>
1.	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) ("MBI")	YAB Tuan Amirudin bin Shari
<b>ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI</b>		
1.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	YB Dato' Nor Azmie bin Diron
2.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	YAB Tuan Amirudin bin Shari
3.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad	YB Dato' Nor Azmie bin Diron
4.	Communication Corporation Sdn Bhd	YAB Tuan Amirudin bin Shari
5.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	YAB Tuan Amirudin bin Shari
6.	INPEN (Selangor) Sdn Bhd	YBhg Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
7.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	YAB Tuan Amirudin bin Shari
8.	Invest Selangor Berhad	YAB Tuan Amirudin bin Shari

<b>BIL</b>	<b>NAMA SYARIKAT</b>	<b>PENGERUSI</b>
9.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd	YB Dato' Nor Azmie bin Diron
10.	Yayasan Warisan Anak Selangor	YAB Tuan Amirudin bin Shari
11.	Yayasan Hijrah Selangor	YAB Tuan Amirudin bin Shari
12.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	YAB Tuan Amirudin bin Shari
13.	SRM Setia Sdn Bhd	YBhg Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim
14.	Darul Ehsan Investment Group Berhad	YAB Tuan Amirudin bin Shari
15.	Tourism Selangor Sdn Bhd	YB Datuk Abdul Rashid bin Asari
16.	Smartsel Sdn Bhd	Dato' Mazalan bin Md Noor
17.	KDEB Waste Management Sdn Bhd	YM Raja Shahreen bin Raja Othman
18.	Landasan Lumayan Sdn Bhd	YM Raja Shahreen bin Raja Othman
19.	SSDU Innovations Sdn Bhd	YM Raja Shahreen bin Raja Othman

**b)**

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Dividen (RM)</b>
1	SRM Setia Sdn Bhd (Dividen diisytiharkan kepada MBI)	167,967

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KERAJAAN PEDULI RAKYAT**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan semua program Peduli Rakyat dan pencapaiannya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menukar dasar pentadbiran yang baharu?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : RIZAB NEGERI**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah Rizab Negeri dari 2016-2018.
- b) Nyatakan perbelanjaan dari Rizab Negeri pada 2018.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah rizab negeri dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Rizab
	RM Juta
2016	3,051.20
2017	2,838.82
2018 (Setakat Jun 2018)	2,839.42

- b) Rizab Negeri hanya digunakan untuk tujuan pembangunan Negeri. Ianya adalah seperti mana kelulusan Dewan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : USAHAWAN TANI**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor menyediakan rancangan untuk membantu usahawan tani muda untuk meningkatkan hasil produk pengeluaran dan pendapatan mereka?
- b) Jika ada, berapakah sasaran bilangan usahawan tersebut yang akan dibantu pada tahun 2018 dan apakah jenis bantuan yang disediakan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengambil berat terhadap semua golongan dan lapisan masyarakat yang terlibat di dalam sektor pertanian khususnya kepada golongan generasi muda atau usahawan tani muda.

Sehubungan dengan itu juga, satu program khas telah dirangka untuk dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun akan datang khusus bagi membantu golongan muda atau usahawan tani muda dan secara keseluruhannya meliputi golongan petani, penternak, usahawan akuakultur dan Industri Asas Tani (IAT). Program tersebut yang dikenali sebagai Program Pembangunan Agropreneur akan merangkumi penyediaan insentif dalam bentuk peralatan dan input pertanian, pembukaan kawasan pertanian yang baharu serta program kursus dan seminar bagi menyampaikan dan melatih agropreneur baharu agar menjadi lebih berdaya saing dan berpengetahuan. Melalui program tersebut juga, penumpuan akan diberikan kepada pengeluaran hasil yang tinggi untuk kawasan berkeluasan kecil (*high value crop*) dan berkonsepkan pertanian moden.

- b) Sehingga 2017, seramai 96 usahawan tani muda telah diberikan bantuan atau insentif yang melibatkan pelbagai bidang usaha seperti tanaman berkonsepkan fertigasi, ternakan ayam, kambing dan lembu, akuakultur dan tanaman kontan. Jumlah insentif yang telah diberikan adalah sebanyak RM1,366,719.00.

Bagi tahun 2018 pula, sejumlah 84 usahawan tani muda telah diluluskan untuk diberikan insentif mengikut bidang usaha masing-masing yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1,978,123.00. Antara jenis bantuan yang telah diluluskan adalah seperti peralatan fertigasi, peralatan akuakultur, makanan ternakan, bahan binaan kandang ternakan, input pertanian dan peralatan penternakan lebah kelulut.

Dalam pada itu juga, mulai tahun 2019, pelarasan dari segi peruntukan untuk membantu usahawan di sektor pertanian akan dilaksanakan bagi memastikan setiap peruntukan di bawah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat tidak bertindih dan seterusnya peruntukan tersebut dapat dioptimiskan dengan lebih tepat kepada golongan sasaran.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : INSENTIF PESAWAH PADI**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan dan insentif Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu pengusaha tanaman padi meningkatkan hasil tanaman mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian memperuntukkan sebanyak RM2.2 juta setiap tahun bagi tujuan untuk membantu pesawah di bawah program peningkatan hasil padi. Melalui program ini pesawah akan dibantu dalam bentuk input dan perkhidmatan seperti penanaman padi secara *transplanting*, baja (kimia dan organik), kawalan makhluk perosak, pengapuran sawah, perataan tanah serta aktiviti pengembangan dan latihan kepada pesawah. Selain daripada itu, pesawah turut diberi galakan untuk pensijilan MyGAP dan disediakan insentif khas bagi menggalakkan penyertaan pesawah dalam pensijilan MyGAP.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : JAWATANKUASA TETAP KESIHATAN, KEBAJIKAN, PEMBERDAYAAN  
WANITA DAN KELUARGA**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan matlamat dan halatuju Portfolio tersebut.
- b) Nyatakan perancangan jangka masa panjang, sederhana dan pendek Portfolio tersebut.
- c) Senaraikan semua pegawai di bawah Portfolio tersebut dan kemudahan yang diperolehi.

**JAWAPAN:**

- a) Matlamat dan hala tuju bagi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga adalah seperti berikut :-

**1. Matlamat Dan Hala Tuju Jawatankuasa Tetap Kesihatan**

Matlamat dan halatuju bagi Jawatankuasa Tetap Kesihatan adalah menggalakkan rakyat di negeri Selangor supaya mempunyai tahap kesihatan yang baik dengan mengamalkan gaya hidup sihat terutama dari segi fizikal dan mental serta menikmati pemakanan seimbang bagi mengurangkan risiko menghadapi penyakit tidak berjangkit. Jawatankuasa Kesihatan juga turut membantu membuat kawalan dan pencegahan bagi mengurangkan rebakan penyakit berjangkit serta penyakit bawaan vektor seperti demam denggi.

**2. Matlamat Dan Hala Tuju Jawatankuasa Tetap Kebajikan**

Matlamat dan hala tuju bagi Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor adalah melaksanakan program-program pembangunan yang melibatkan golongan sasaran terdiri daripada orang kurang upaya (OKU), kanak-kanak dan warga emas dalam bentuk latihan, kemahiran serta memupuk semangat sukarelawan tanpa mengira bangsa, usia, fahaman politik dan agama. Program-program kebajikan yang dianjurkan akan dilaksanakan dengan penglibatan pelbagai agensi di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan pihak berkuasa tempatan termasuk badan bukan kerajaan (NGO) di dalam Negeri Selangor.

### **3. Matlamat Dan Hala Tuju Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga**

Halatuju bagi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga adalah memperkasakan wanita di peringkat akar umbi dengan latihan pembangunan kapasiti dan kemahiran turut mempersiapkan golongan wanita untuk mendepani industri 4.0 dengan mengambil kira usaha pemerksaan wanita dari sudut sosio ekonomi, membanteras keganasan terhadap wanita dan pemerksaan undang undang demi keadilan gender bagi memastikan wanita mampu berdaya saing disamping berperanan dalam melahirkan keluarga yang penyayang dan bertanggungjawab sekaligus mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

- b) Perancangan jangka masa panjang, sederhana dan pendek bagi setiap Jawatankuasa tersebut boleh diterjemahkan dalam perancangan yang telah disediakan melalui Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2018 seperti berikut:-

#### **1. Sasaran Kerja Tahunan Bagi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor**

Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM42.1 juta bagi tahun 2018 untuk melaksanakan program-program kesihatan yang telah dirancang seperti berikut :

- i. Skim Peduli Sihat telah mengeluarkan sebanyak 345,179 kad iaitu meliputi seramai 1,380,716 orang penerima manfaat. Jumlah ini telah melebihi 38% daripada sasaran awal yang disasarkan iaitu kepada 1 juta orang penerima. Sehingga 20 Ogos 2018, sebanyak RM23,580,939.46 telah dibelanjakan bagi membiayai kos rawatan pemegang kad peduli sihat bagi tahun 2018. Bermula tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor juga telah menambahbaik pelaksanaan Skim Peduli Sihat dengan meluluskan peruntukan *one-off* sebanyak RM180 kepada semua pemegang kad untuk mendapatkan salah satu suntikan vaksin bagi *pneumokokal/ meningococcal/ hepatitis B/ influenza/ typhoid*. Selain daripada itu, pemegang kad Peduli Sihat boleh membuat saringan pemeriksaan kesihatan asas dengan kadar minimum bagi menggalakkan masyarakat untuk lebih peka dengan tahap kesihatan masing-masing dan dapat melaksanakan langkah-langkah pencegahan awal agar menghindari diri dari penyakit tidak berjangkit (*Non Communicable Disease*).

- ii. Bantuan Sihat Selangor adalah untuk membantu meringankan beban rakyat Negeri Selangor yang kurang berkemampuan dalam menanggung kos rawatan Kesihatan bagi meneruskan kehidupan yang lebih sihat. Program ini memberi bantuan rawatan dialisis, bantuan pembedahan katarak mata, bantuan melaksanakan pembedahan kecil, bantuan pembelian kaki palsu dan lain-lain permohonan seperti pembelian kerusi roda, susu dan lampin pakai buang bagi pesakit terlantar. Program ini akan dipanjangkan kepada pesakit kanser untuk turut mendapat bantuan bagi meringankan kos rawatan yang tidak dibekalkan oleh hospital.
- iii. Aktiviti pencegahan dan kawalan denggi juga dipantau di bawah Jawatankuasa Tetap Kesihatan yang di pengurusan oleh YB EXCO sendiri dan dilaksanakan setiap 2 minggu sekali. Kerjasama yang utuh diperingkat JKNS dan PBT dapat mengurangkan kes dari masa ke semasa. Penglibatan ADUN kawasan serta Ahli Majlis juga telah diperhebatkan untuk turut terlibat menggerakkan komuniti dalam mencegah wabak denggi.
- iv. Program Gaya Hidup Sihat yang dilaksanakan setiap tahun sentiasa ditambahbaik dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan serta Pejabat Kesihatan Daerah. Melalui program Karnival Sihat Selangor, pelbagai aktiviti seperti kesedaran pemakanan sihat dan info berkaitan kesihatan mental turut diberi penekanan. Amalan berjalan 10,000 langkah merupakan elemen utama yang perlu dimasukkan semasa berlangsungnya Karnival. Selain itu, galakkan untuk membuat Saringan kesihatan juga diberikan kepada masyarakat melalui program Saringan Sihat Selangor bagi membantu individu supaya lebih menjaga kesihatan sebelum ke arah yang lebih memudaratkan.

## **2. Sasaran Kerja Tahunan Bagi Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor**

Jawatankuasa Tetap Kebajikan Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM21.8 juta bagi tahun 2018 untuk melaksanakan program-program kesihatan yang telah dirancang seperti berikut:-

- i. Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) merupakan program bantuan kepada golongan ibu yang menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan dengan nilai bantuan sebanyak RM200.00 sebulan bagi membantu menampung pembelian barangan keperluan asas

keluarga secara tanpa tunai (*cashless*) di kedai-kedai dan pasaraya-pasaraya di seluruh Selangor yang telah dikenalpasti.

- ii. Menyediakan dan melaksanakan program kepada golongan sasaran seperti golongan orang kurang upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan program kesukarelawan yang melibatkan agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, semua Pejabat Daerah Dan Tanah Negeri Selangor serta Pihak Berkuasa Tempatan di Selangor.
- iii. Program Intervensi Awal Kanak-kanak (*Early Intervention Programme-EIP*) merupakan program yang bantuan kewangan kepada institusi yang menjalankan perkhidmatan dan pendidikan awal kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas serta menambahbaik kemudahan infrastruktur dan terapi seperti *physiotherapy, occupational therapy, speech therapy dan hydrotherapy*.

### **3. Sasaran Kerja Tahunan Bagi Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor**

Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga Negeri Selangor telah diperuntukkan sebanyak RM12juta bagi tahun 2018 untuk melaksanakan program-program kesihatan yang telah dirancang seperti berikut:-

- i. Pelaksanaan pembangunan wanita dalam melahirkan wanita Selangor yang berdaya melalui program-program pembangunan meliputi Program Pemberdayaan Ekonomi Hawa, Program Kempen Kesedaran dan Advokasi, Program Pembangunan Keluarga, Pusat Khidmat Krisis Sehenti, Program Skim Kesihatan Wanita iaitu pemeriksaan mammogram percuma Negeri Selangor dan juga tidak terkecuali Program Pemberdayaan Pusat Wanita Berdaya (PWB) melalui kursus-kursus dan latihan pembangunan yang telah dirancang.

- c) Senarai pegawai di bawah portfolio Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga adalah seperti berikut :-

**1. Pejabat YB Exco**

<b>Bil</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan / Gred / Perkhidmatan</b>	<b>Kemudahan yang diperolehi</b>
1.	Muhammad Nabil bin Norhalim	Setiausaha Kanan / N41 / COF	Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam syarat perjanjian <i>Contract For / Of Service (CFS / COS)</i> masing-masing
2.	Anis Afida bt Mohd Azli	Pegawai Penyelaras / N41 / CFS	
3.	Siti Faridah bt Abdul Samad	Pegawai Penasihat Dasar / N41 / COS	
4.	Muhammad Syahmi bin Zahari	Pembantu Tadbir / N19 / COS	
5.	Wan Aiman Firdaus b Wan Aziz	Pemandu / H11 / COS	
6.	Nurul Imma bt Mansor	Pegawai Penyelaras PWB / N41 / CFS	
7.	Nor Akma Hani bt Mohamed Ariff	Pembantu Tadbir PWB / N19 / CFS	
8.	Nisha Lyanna bt Razaman	Pembantu Tadbir PWB / N19 / CFS	
9.	Norani bt Muradi	Setiausaha Kerja / N29 / COS	
10.	Loshini a/p Ramakrishnan	Pembantu Tadbir / N19 / COS	

**2. Pejabat Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor 2.1**  
**Jawatankuasa Tetap Kesihatan**

Bil	Jawatan / Gred	Bilangan Pegawai	Kemudahan yang diperolehi
1.	Timbalan Pengarah / M52	1 orang	Sebagaimana dalam syarat Buku Perintah Am dan pekeliling yang berkuatkuasa
2.	Penolong Pengarah / M44	1 orang	
3.	Penolong Pegawai Tadbir / N29	1 orang	
4.	Pembantu Tadbir / N19	3 orang	

**2.2 Jawatankuasa Tetap Kebajikan Dan Pemberdayaan Wanita Dan Keluarga**

Bil	Jawatan / Gred	Bilangan Pegawai	Kemudahan yang diperolehi
1.	Timbalan Pengarah / M54	1 orang	Sebagaimana dalam syarat Buku Perintah Am dan pekeliling yang berkuatkuasa
2.	Penolong Pengarah / N44	1 orang	
3.	Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi / E32	1 orang	
4.	Penolong Pegawai Tadbir / N29	1 orang	
5.	Pembantu Tadbir / N19	4 orang	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PERUNTUKAN ADUN**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

b) Bagaimanakan Kerajaan Negeri menentukan jumlah peruntukan tersebut?

**JAWAPAN:**

b) Setiap Ahli Dewan Negeri (ADN) diluluskan peruntukan berjumlah RM800,000.00. Manakala bagi kawasan Dewan Negeri (Bukan Kerajaan), setiap ADN (Bukan Kerajaan) disediakan sejumlah RM200,000.00 dan Pegawai Penyelaras yang dilantik oleh Kerajaan Negeri pula disediakan peruntukan berjumlah RM600,000.00. Sejumlah RM48.4 juta telah diperuntukkan untuk menampung semua keperluan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI**

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan sungai-sungai utama di Selangor mengikut kadar pencemaran.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menurunkan kadar pencemaran sungai di Selangor?
- c) Bagaimanakah kaedah bagi mengatasi sungai-sungai yang tercemar?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut adalah status kualiti air sungai-sungai utama di Selangor berdasarkan pemantauan kualiti air di Loji Pembersihan Air (LPA) oleh Air Selangor Sdn Bhd sehingga Jun 2018 :

<b>NAMA SUNGAI</b>	<b>NAMA LPA</b>	<b>INDEKS KUALITI AIR (IKA)</b>	<b>KELAS</b>
Sungai Selangor	Rasa	89.5	II
	Rantau Panjang	77.3	II
	SSP1	74.7	III
	SSP2	70.4	III
	SSP3	78.6	II
Sungai Bernam	Bernam River Headworks (BRH)	88.4	II
	Sungai Selisek	87.9	II
Sungai Langat	Sungai Langat	87.0	II
	Cheras Batu 11	74.5	III
	Bukit Tampoi	74.7	III
Sungai Semenyih	Sungai Semenyih	80.3	II

Berdasarkan bacaan IKA di LPA-LPA ini, berikut adalah purata kelas sungai-sungai utama :

- i. Sungai Selangor : 78.1 (Kelas II)
- ii. Sungai Bernam : 88.2 (Kelas II)
- iii. Sungai Langat : 78.7 (Kelas II)
- iv. Sungai Semenyih : 80.3 (Kelas II)

# Status kualiti air sungai juga boleh dirujuk berdasarkan bacaan IKA di bawah Program Pemantauan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor.

# Rujukan Kelas Sungai adalah seperti di Lampiran.

- b) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telahewartakan semua 7 empangan di Negeri Selangor di bawah Seksyen 48, Enakmen LUAS 1999. Selain itu, sejumlah 105 batang sungai kini turut telah melalui proses pemertaaan di bawah peruntukan yang sama. Tujuan pemertaaan ini adalah untuk melindungi sungai dan rizab sungai daripada gangguan kepada kuantiti, kualiti dan persekitarannya.

Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Lembaga bersama agensi berkaitan bagi memastikan sumber air dan kawasan tadahannya terpelihara daripada aspek kualiti dan kuantitinya.

Penguatkuasaan perundangan yang diperuntukkan juga dilaksanakan secara holistik dalam penjagaan sumber air, antaranya :

- i. pelesenan Kemasukan Atau Pelepasan Bahan Pencemar (Negeri Selangor),
  - ii. pemberian Kebenaran Bertulis bagi Aktiviti Pengubahan Sumber, dan
  - iii. pengeluaran Notis Pemberitahuan Kesalahan, Kompaun dan pendakwaan bagi setiap kesalahan yang berkaitan dengan sumber air.
- c) Dalam usaha menangani isu-isu pencemaran sumber air, kerja-kerja pemantauan dan penguatkuasaan berterusan dijalankan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan iaitu:
- i. Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai dan Pantai Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri,
  - ii. Pasukan Petugas Lembangan Sungai Klang, Lembangan Sungai Langat dan Lembangan Sungai Selangor, yang dipengerusikan oleh Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); dan
  - iii. Jawatankuasa Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor, yang dipengerusikan oleh EXCO Alam Sekitar.

## KELAS SUNGAI

KELAS	IKA	KLASIFIKASI / KEGUNAAN AIR
I	> 92.7	Sangat Baik. Sumber Air I : Tidak memerlukan sebarang rawatan. Perikanan I : Untuk spesies akuatik yang sangat sensitif.
II	76.5 - 92.7	Baik. Sumber Air II : Air memerlukan rawatan konvensional. Perikanan II : Untuk spesies akuatik yang sensitif.
III	51.9 - 76.5	Sederhana. Sumber Air III : Air memerlukan rawatan intensif. Perikanan III : Umum, aktiviti nilai ekonomi, penternakan haiwan.
IV	31.0 - 51.9	Tercemar. Sesuai untuk pengairan.
V	<31.0	Sangat Tercemar. Air tidak sesuai untuk sebarang aktiviti di atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : PREMIS MESIN JUDI DALAM TALIAN**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini premis mesin judi dalam talian yang berdaftar dan tidak berdaftar.
- b) Nyatakan jumlah serbuan dan tangkapan di premis berkenaan dari 2016-2018.

**JAWAPAN:**

- a) Tiada lesen premis perjudian yang dikeluarkan oleh pihak PBT. Jumlah premis yang dibuka tidak dapat dipastikan. Pihak polis akan membuat serbuan dan tangkapan sekiranya premis tersebut ada unsur/ aktiviti perjudian *online* berdasarkan pemantauan dari pihak polis dan juga maklumat dari orang awam.
- b) Serbuan dan tangkapan premis jol kontinjen Selangor bagi tahun 2016 – 2018:

<b>TAHUN</b>	<b>SERBUAN</b>	<b>TANGKAPAN</b>
2016	4,769	5,813
2017	4,065	6,478
2018	1,253	3,120
<b>JUMLAH</b>	<b>10,087</b>	<b>15,410</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : AHLI MAJLIS PBT**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan nama dan parti diwakili semua Ahli Majlis PBT di Selangor.
- b) Bagaimanakah PBT menentukan setiap ahli majlis tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Nama dan parti yang diwakili oleh Ahli Majlis PBT di Selangor adalah seperti berikut:-
  - i. Lampiran A: Parti Keadilan Rakyat (PKR)
  - ii. Lampiran B: Parti Tindakan Demokratik (DAP)
  - iii. Lampiran C: Parti Amanah Negara (AMANAH); dan
  - iv. Lampiran D:Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM)
- b) Pelantikan Ahli Majlis bukan ditentukan oleh PBT. Cadangan nama diperolehi daripada parti komponen dan dibentangkan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk dipertimbangkan dan seterusnya diluluskan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan Garis Panduan Kriteria Pemilihan Ahli Majlis PBT Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(N05 HULU BERNAM)**

**TAJUK : USAHAWAN KECIL DAN SEDERHANA**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program baharu untuk usahawan kecil dan sederhana di Selangor?
- b) Nyatakan peranan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan pendapatan usahawan tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Antara program baharu untuk IKS yang menjadi tumpuan Kerajaan Negeri pada masa kini adalah pemerksaan industri halal melalui latihan bagi Eksekutif Halal. Program ini bertujuan untuk melatih dan melahirkan Eksekutif Halal yang berpengetahuan tinggi berkenaan industri halal. Setiap kursus yang dikendalikan menggunakan modul-modul yang diselaraskan oleh *Halal Professional Board (HPB)* dan akan dipantau selia oleh Bahagian Hab Halal, JAKIM.

Pada ketika ini, jumlah perniagaan di negeri Selangor yang mempunyai pengiktirafan halal adalah yang tertinggi di antara semua negeri di Malaysia. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat setiap tahun pada kadar yang amat tinggi memandangkan lokasi negeri Selangor yang strategik sebagai pusat perniagaan. Walau bagaimanapun, dengan jumlah perniagaan yang amat tinggi ini telah mengakibatkan pemantuan berkala terhadap status halal perniagaan tersebut sedikit terbatas dan tidak dapat dijalankan secara efektif dan berkesan atas faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan.

Oleh yang demikian, cadangan Program Latihan Eksekutif Halal ini adalah bertujuan untuk menyokong dan membantu kerja-kerja pemantauan status halal oleh agensi-agensinya yang berkenaan seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan juga Kementerian Kesihatan (KKM). Ini sekaligus memastikan setiap premis di

negeri Selangor sentiasa mematuhi setiap peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan.

- b) Salah satu fokus utama Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan adalah untuk membantu melonjakkan perniagaan usahawan di dalam kategori perniagaan mikro. Kebanyakan peniaga di daerah-daerah di negeri Selangor terlibat dengan perniagaan mikro yang mempunyai jualan kurang daripada RM300,000.00 setahun dan mempunyai pekerja tetap sebanyak 2 hingga 5 orang. Kebanyakan mereka menjadikan perniagaan ini sebagai sumber pendapatan keluarga.

Setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peruntukan untuk membantu usahawan meningkatkan pendapatan usahawan dan menjana ekonomi negeri melalui program-program seperti berikut:

i. **DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan menyalurkan bantuan Dana Usahawan Mikro Selangor kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di negeri Selangor. Dana ini merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan menikmati manfaat daripada bantuan ini.

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi setiap daerah untuk disalurkan kepada pemohon yang layak. Setiap pemohon yang layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di negeri Selangor.

ii) **PAMERAN/EKSPO**

Salah satu inisiatif bagi mengembangkan lagi pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui penyertaan dalam ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkecayaan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor.

Semasa pameran MIHAS yang berlangsung pada 30 Mac - 2 April 2016, produk kerepek *seaweed* jenama *Teego* daripada Syarikat Inspire Human Capital Development Sdn Bhd telah memperolehi kontrak pembekalan ke tiga buah negara iaitu Dubai, Jeddah dan Jepun. Manakala semasa

PIHEC 2017 yang berlangsung pada 24 - 26 Februari 2017, Syarikat Dhuha Tensai Resources yang menjual makanan Korea telah mendapat tempahan daripada Singapura. Manakala syarikat Bio-Haruantech (M) Sdn. Bhd. di bawah label Rezza Brand yang menjual pelbagai produk mi segera telah mendapat tempahan daripada Singapura, Brunei, Hong Kong, China dan Korea. Selain itu, semasa MIHAS 2017 yang berlangsung pada 5 - 8 April 2017 pula Syarikat Yusa Food Products Sdn. Bhd. telah mendapat tempahan daripada Singapore, Vietnam, China dan kini sedang dalam perbincangan bersama syarikat daripada United Kingdom.

Pada tahun 2017, buat pertama kali Kerajaan Negeri menyertai pameran antarabangsa *China ASEAN Expo (CAEXPO) 2017* pada 12 hingga 15 September 2017 di Nanning, China yang dianjurkan oleh *The People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce, P.R. China*. Kerajaan Negeri Selangor menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang merupakan badan yang berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan eksport terhadap produk keluaran Malaysia. Sebanyak 5 orang usahawan telah terpilih untuk mewakili Negeri Selangor di mana kesemua usahawan adalah terdiri daripada usahawan makanan dan minuman. Salah seorang usahawan tersebut iaitu Syarikat Yusa Food Products Sdn. Bhd. telah mendapat pembekalan kontrak ke China semasa pameran CAEXPO tersebut yang dianggarkan bernilai RM3 juta. Penyertaan ke program sebegini bukan sahaja dapat membuka peluang produk tempatan menembusi ke pasaran antarabangsa malah peserta dapat membina jaringan perniagaan dalam kalangan peserta luar yang terlibat di dalam program ini.

iii) **KURSUS/LATIHAN**

Untuk usahawan di peringkat permulaan, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan dari aspek persiapan produk produk khususnya untuk menembusi pasaraya tempatan. Modul kursus terdiri daripada asas perniagaan dan kewangan, penjenamaan produk, pensijilan produk serta pemasaran atas talian dan ke rangkaian pasaraya.

iv) **PROGRAM PEMBUNGKUSAN PRODUK MADE IN SELANGOR**

Program ini dilaksanakan khusus kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan.

v) **PROGRAM PEMBINAAN UPAYA USAHAWAN INDIA SELANGOR**

Program ini bertujuan untuk membantu usahawan India yang berpotensi berkembang maju di dalam bidang perniagaan. Di samping itu, ianya dapt membantu usahawan India menjadi lebih berdikari dan mampu untuk menjana mobiliti. Peserta terlibat akan diberikan latihan dan pengupayaan kepakaran, penyediaan cadangan projek, pengurusan pemasaran dan kewangan. Antara modul yang telah dirangka ialah latihan kemahiran bersama syarikat peneraju/mentor terpilih selama tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung kepada industri yang terpilih. Sepanjang tempoh latihan tersebut, peserta akan diberi peluang untuk terus mengendalikan perniagaan mengikut jenis latihan yang diceburi dan dipantau oleh syarikat peneraju. Program ini dilaksanakan secara berperingkat. Pada tahun 2017, seramai 400 orang telah berjaya menyertai program ini yang dilaksanakan di enam (6) daerah di negeri Selangor.

Pada tahun 2018, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor.

Dianggarkan lebih 1000 orang peserta akan mendapat manfaat melalui program ini bagi menjadikan kaum India di negeri Selangor lebih berdikari dan berdaya saing ke arah meningkatkan ekonomi kaum India di negeri Selangor.

vi) **PINJAMAN MIKROKREDIT HIJRAH SELANGOR**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan secara berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikrokredit Bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pembiayaan modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Bermula tahun 2018, HIJRAH Selangor telah memperkenalkan 2 jenis bantuan pinjaman bagi trak bergerak. iaitu *Mobile cart* dan *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)*. *Mobile cart* merupakan trak tunda yang bersaiz lebih kecil dan mudah dikendalikan dan berkeluasan 8 kaki panjang dan 5 kaki lebar. Had bantuan pinjaman ini akan diberi sehingga RM26,500.00 dan RM3,500.00 akan diberikan sebagai modal bahan mentah. Bagi *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)* pula *bersaiz 5 kaki panjang dan 4 kaki lebar*. Bantuan pinjaman sehingga RM39,000.00 dan RM1,000.00 akan diberikan sebagai modal bahan mentah. Bantuan pinjaman bagi trak bergerak ini terbuka kepada semua jenis perniagaan. Proses permohonan akan mengambil masa 2 – 4 minggu bagi permohonan *Mobile cart* dan 4 – 6 minggu bagi permohonan *Daihatsu Hijet Pickup (Japan)*.